



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)

Informasi



**ANUGERAH
PEMBANGUNAN
NEGARA** *Tahun 2023*
'Pembangunan MADANI Rakyat Disantuni'



**MALAYSIA
MADANI**



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)

Informasi

**ANUGERAH
PEMBANGUNAN
NEGARA** *Tahun 2023*

'Pembangunan MADANI Rakyat Disantuni'



ANUGERAH PEMBANGUNAN NEGARA TAHUN 2023

Aspirasi Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam memenuhi harapan dan ekspektasi rakyat seterusnya mengangkat semula darjat dan martabat negara ke arah peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.


Justeru, prestasi pelaksanaan program/projek pembangunan perlu dipantau dengan rapi. Mekanisme pemantauan bersepadu diwujudkan terutamanya melalui sistem MyProjek yang telah dibangunkan oleh ICUJPM secara dalaman untuk memantau tahap perbelanjaan, kemajuan dan prestasi pelaksanaan semua program/projek pembangunan, pelaporan pematuhan *Industrialised*

Building Systems (IBS) serta pelaksanaan Penilaian *Outcome*. Pelaksanaan projek awam bukan sahaja bermatlamat untuk mencapai penghasilan *output*, malah *outcome* dan impak juga perlu diukur untuk melihat pencapaian program/projek memberi manfaat kepada golongan sasaran seterusnya menzahirkan keberhasilan utama pembangunan negara.

Secara holistiknya, program/projek awam bertindak sebagai satu wadah dalam memastikan harapan rakyat dapat dipenuhi dengan jayanya. Ini selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 yang bertemakan Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi.

Untuk memastikan agenda ini tercapai, inisiatif dan komitmen bersama Agensi Pusat, Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan perlu digembleng dalam keseluruhan kitaran dan aspek pemantauan dan penilaian program/projek pembangunan.

Oleh itu, buat julung kalinya, Anugerah Pembangunan Negara (APN) diperkenalkan bagi mengiktiraf usaha serta komitmen Kementerian dan Agensi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program/projek pembangunan negara.



OBJEKTIF ANUGERAH PEMBANGUNAN NEGARA TAHUN 2023

Objektif utama Anugerah Pembangunan Negara (APN) ini adalah untuk mengiktiraf usaha serta komitmen Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program/projek pembangunan. Ini selaras dengan usaha untuk memacu pencapaian RMKe-12 ke arah meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan serta Pemantauan program/projek Kerajaan, seterusnya meningkatkan sinergi di antara Agensi Pusat dengan semua Kementerian.

APN juga merupakan platform bagi perkongsian kejayaan dan amalan terbaik pengurusan program/projek di peringkat Kementerian serta Agensi

Kerajaan. Penganjuran APN dijangka dapat menghasilkan kesan berganda di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi dengan menjadikan pengurusan terbaik program/projek Kerajaan sebagai penandaarasan dalam memastikan impak pelaksanaannya mencapai *outcome* dan memberi manfaat kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih bermutu. Anugerah ini adalah penting bagi menunjukkan bahawa program/projek Kerajaan yang dilaksanakan menerusi sumber wang awam dibelanjakan mengikut prinsip tatakelola yang terbaik.

KATEGORI ANUGERAH PEMBANGUNAN NEGARA TAHUN 2023

Sebanyak tiga anugerah utama akan disampaikan iaitu:

- Anugerah Pengurusan *Industrialised Building System* (IBS) Terbaik;
- Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik; dan
- Anugerah Penilaian *Outcome*.


Anugerah Pengurusan *Industrialised Building System* (IBS) Terbaik diperkenalkan dengan mengambil kira aspek amalan dan pengurusan IBS dalam projek-projek binaan awam. Ia bertujuan untuk menggalakkan penggunaan IBS dalam projek Kerajaan supaya dapat mempercepatkan tempoh pelaksanaan projek dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik merupakan pengiktirafan bagi daya usaha Kementerian/Jabatan/Agensi yang dinilai berdasarkan prestasi

pelaksanaan dan perbelanjaan program/projek pembangunan, pelaksanaan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) serta pelaporan melalui Sistem MyProjek.

Anugerah Penilaian *Outcome* merupakan pengiktirafan kepada Kementerian dan agensi yang telah menunjukkan prestasi tinggi dalam mencapai *outcome* program/projek. Penilaian *Outcome* adalah kaedah yang diperkenalkan Kerajaan untuk mengukur keberkesanan program/projek pembangunan yang telah siap dan digunakan kepada golongan sasar. Anugerah Khas turut diperkenalkan sebagai mengiktiraf Kementerian dan Kerajaan Negeri dalam aspek pembudayaan Penilaian *Outcome*.

END-TO-END MONITORING & EVALUATION MECHANISM



**ANUGERAH PENGURUSAN
*INDUSTRIALISED BUILDING
SYSTEM (IBS)*
TERBAIK
DI ATAS RM1 BILION**



ANUGERAH PENGURUSAN INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS) TERBAIK

Anugerah ini adalah bagi memberi pengiktirafan kepada Kementerian terbaik yang mematuhi dan melaksanakan projek pembangunan fizikal Kerajaan menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS). Semenjak tahun 2008, Kerajaan telah mensyaratkan agar projek-projek awam dilaksanakan menggunakan kaedah IBS selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK1.10.

Penggunaan IBS dalam projek Kerajaan mampu menyokong ke arah pembudayaan penggunaan teknologi dalam projek binaan yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada buruh kurang mahir dan memacu industri pembinaan dalam negara. Selaras itu, pada 6 April 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau Penguatkuasaan IBS Bil. 1 Tahun 2023 telah memutuskan supaya Anugerah ini diperkenalkan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada Kementerian di atas usaha dan komitmen mematuhi PK1.10 serta melaksanakan projek Kerajaan dengan kaedah IBS.

Penilaian terhadap anugerah ini adalah berdasarkan dua komponen iaitu Komponen Pertama pematuhan penggunaan komponen IBS yang dilaporkan melalui sistem MyProjek. Fasa penilaian berikutnya iaitu Komponen Kedua adalah melalui verifikasi di lapangan oleh panel dari ICU JPM, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board*). Anugerah ini dikategorikan kepada Kementerian yang menerima peruntukan di atas RM1 Bilion dan peruntukan di bawah RM1 Bilion.



ANUGERAH PENGURUSAN IBS TERBAIK DI ATAS RM1 BILION



ANUGERAH PENGURUSAN IBS TERBAIK DI BAWAH RM1 BILION



Muka surat ini sengaja di kosongkan

ANUGERAH PRESTASI PEMBANGUNAN TERBAIK



ANUGERAH PRESTASI PEMBANGUNAN TERBAIK

Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik diperkenalkan untuk mengiktiraf pencapaian Kementerian mengikut dua kategori peruntukan pembangunan asal iaitu bagi kementerian yang mempunyai peruntukan melebihi RM1 Bilion dan di bawah RM1 Bilion. Empat kriteria penilaian telah ditetapkan bagi Anugerah ini.



1

Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan asal (termasuk tambahan) tahunan

2

Pematuhan Arahan No. 1 – Pelaksanaan Majlis Tindakan Pembangunan Negara

3

Keberkesanan Pengurusan Program/Projek

4

Pengemaskinian Sistem MyProjek

ANUGERAH PRESTASI PEMBANGUNAN TERBAIK PERUNTUKAN DI ATAS RM1 BILION

KEMENTERIAN
KEMAJUAN
DESA DAN
WILAYAH

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
TINGGI

KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA



ANUGERAH PRESTASI PEMBANGUNAN TERBAIK PERUNTUKAN DI BAWAH RM1 BILION

KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
USAHAWAN
DAN KOPERASI

KEMENTERIAN
PELABURAN,
PERDAGANGAN
DAN INDUSTRI

KEMENTERIAN
SAINS,
TEKNOLOGI
DAN INOVASI



ANUGERAH PENILAIAN *OUTCOME*



ANUGERAH KHAS PENCAPAIAN KONSISTEN PENILAIAN *OUTCOME* KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

Anugerah khas ini diperkenalkan untuk mengiktiraf daya usaha berterusan Kementerian mengekalkan pencapaian Penilaian *Outcome* di tahap prestasi tinggi iaitu melebihi 90% bagi tiga tahun berturut-turut.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dilihat telah secara konsisten mengekalkan iltizam untuk mencapai prestasi tinggi bagi Penilaian *Outcome*.

Tahniah dan syabas kepada KPKT.

Pencapaian Tahun	Pencapaian Tahun	Pencapaian Tahun
2020	2021	2022
92.5%	93.2%	93.5%



ANUGERAH KHAS PEMBUDAYAAN PENILAIAN *OUTCOME*

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Anugerah khas ini diperkenalkan untuk mengiktiraf inisiatif dan komitmen dalam aspek penilaian pasca pelaksanaan program/projek.

Kerajaan Negeri Melaka telah memulakan inisiatif dan pembudayaan Penilaian *Outcome* pada tahun 2020 menerusi Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri Melaka (MIMO), Jabatan Ketua Menteri Melaka. Ia sebagai langkah untuk menyahut seruan Kerajaan Persekutuan dengan fokus mengukur keberhasilan enam kluster Kebitaraan Negeri Melaka untuk mencapai *outcome* dan manfaatnya dirasakan oleh kumpulan sasar.

Tahniah dan syabas buat Kerajaan Negeri Melaka yang merupakan satu-satunya negeri yang telah membudayakan Penilaian *Outcome* dalam kitaran pengurusan projek pembangunan negeri.



ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME PROJEK BERPRESTASI PENCETUS PERUBAHAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)

PEMBANGUNAN KIT DIAGNOSTIK GENETIK UNTUK PENSIJILAN TAPAK SEMAIAN SAWIT

OBJEKTIF PROJEK

1. Meningkatkan penggunaan teknologi genom dalam penghasilan bahan tanaman elit;
2. Menilai kadar kontaminasi bukan *tenera* di tapak semaian yang sedang dinilai untuk pensijilan CoPN (*Code of Good Nursery Practice for oil palm nurseries*);
3. Mengurangkan kontaminasi *dura* dan *pisifera* di peringkat pengeluar biji benih; dan
4. Meningkatkan hasil keluaran minyak sawit, terutamanya di kalangan pekebun kecil.

PENCAPAIAN OUTCOME

1. 11 daripada 18 (61%) pengeluar biji benih sawit aktif tempatan mengguna pakai kit diagnostik DNA.
2. Lima syarikat antarabangsa turut mengguna pakai kit diagnostik SureSawitTM SHELL dalam penghasilan bahan tanaman elit.
3. Menerima 3 anugerah dan telah mempromosi teknologi melalui 51 aktiviti, termasuk pembentangan lisan di persidangan tempatan dan antarabangsa serta kecapan di media.
4. Bahan tanaman yang telah disaring dengan ujian DNA adalah sekurang-kurangnya 98% baka *tenera*.
5. Peningkatan pendapatan dijangka sebanyak RM25.9 juta (meningkat 7.5% berbanding tanpa saringan) daripada 1,715 Ha kawasan tanam semula yang telah ditanam dengan baka *tenera* yang disahkan.
6. Peningkatan 50% potensi hasil minyak *tenera* disebabkan penggantian *dura* dengan *tenera*.
7. Pembangunan model ekonomi meramalkan penggunaan kit diagnostik oleh keseluruhan industri sawit akan meningkatkan : * hasil minyak RM 3.3 bilion/tahun * cukai kerajaan RM1 bilion/tahun.



ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME PROJEK BERPRESTASI TINGGI BERIMPAK TINGGI MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)

PEMBANGUNAN INDUSTRI UNTUK KANDUNGAN DIGITAL MALAYSIA (MY DIGITAL CONTENT)

OBJEKTIF PROJEK

1. Merangsang industri Animasi Malaysia #AniMY dan permainan digital #MyGameOn ke peringkat dunia dengan penghasilan IP bertaraf dunia;
2. Mengukuhkan ekosistem industri kandungan digital kreatif melalui pendedahan dan pendidikan belia Malaysia; dan
3. Mengasah tenaga pekerja yang mahir dan membina syarikat bertaraf dunia.

PENCAPAIAN OUTCOME

1. Jumlah pelaburan RM712 juta.
2. 1,816 jumlah pekerjaan baru.
3. 1,374 pelajar dilatih.
4. Nilai eksport RM3.8 billion.
5. Jumlah pendapatan RM36.59 bilion.



ANUGERAH PENILAIAN *OUTCOME* PROJEK BERPRESTASI TINGGI MAMPAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

POTENSI PEMBANGUNAN GEOPARK UNTUK PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER SEMULAJADI NEGARA

OBJEKTIF PROJEK

1. Mengenalpasti, mencari, menilai dan menaraf geotapak berpotensi sebagai sumber warisan geologi negara;
2. Memulihara tapak-tapak sumber warisan geologi; dan
3. Mendapatkan pengiktirafan Geopark Kebangsaan dan global (UNESCO).

PENCAPAIAN *OUTCOME*

1. 243 geotapak dikenalpasti berpotensi untuk dibangunkan untuk geopelancongan.
2. Lapan Geopark Kebangsaan telah diperakukan oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan dan Kerajaan Negeri serta satu Geopark Kebangsaan telah dinilai untuk UNESCO Global Geopark pada tahun 2022.
3. Peningkatan kedatangan pelancong dan pelawat melebihi 2%.
4. Tambah nilai kepada aktiviti dan produk pelancongan negara.
5. Peningkatan pendapatan masyarakat setempat dan negara dari RM16.04 juta kepada RM41.75 juta.
6. Peningkatan peluang pekerjaan baharu kepada komuniti setempat (*geoguide*) 491 peserta.
7. 27 pembentangan di persidangan peringkat antarabangsa.
8. Satu Draf Pelan Pembangunan Negara dan satu Draf Pelan Pengurusan Geopark terhasil.



ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME KEMENTERIAN BERPRESTASI TINGGI

Anugerah Penilaian Outcome diberikan kepada Kementerian yang mencapai markah *Significantly Exceed Target* (ST - 90% dan ke atas) berdasarkan Laporan Penilaian Outcome Kementerian Tahun 2022.

Selain itu, projek/program juga telah dinilai oleh panel yang terdiri daripada ICU JPM, Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi.



ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME KEMENTERIAN BERPRESTASI TINGGI KEMENTERIAN KEWANGAN



PROJEK PEMBANGUNAN PROJEK PELANCONGAN DI PULAU LANGKAWI

Outcome 1

7,896
Peluang
Pekerjaan

Outcome 2

Pengiktirafan
9 Pulau
Terbaik Dunia

Outcome 3

Nilai Pelaburan
RM11.9
bilion

Objektif Projek: Menjadikan Pulau Langkawi sebagai 10 Pulau Eco-Pelancongan Terbaik Dunia

PEMBINAAN PEJABAT KASTAM KOTA KINABALU, SABAH

Outcome 1

Peningkatan
Pungutan Cukai
RM518.2
juta

Outcome 2

Peningkatan
Bilangan
Pelesen
1,946

Outcome 3

91.7%
Tahap Kepuasan
Pelanggan
JKDM

PADANG BOLA SEPAK TIRUAN DI KOMPLEKS SUKAN PADANG PERDANA, KOTA BHARU, KELANTAN

Objektif Projek:

1. Menyediakan kemudahan padang bola sepak bertaraf tinggi untuk kegunaan rakyat tempatan bagi memartabatkan sukan negara selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri.
2. Meningkatkan gaya hidup sihat melalui sukan bola sepak.

Outcome 1

Peningkatan
Tempahan
Padang Melebihi
50 kali
sebulan

Outcome 2

Peningkatan
Gaya Hidup
Sihat

Outcome 3

86.8%
Tahap
Kepuasan
Pelanggan

PROJEK SISTEM PENGUATKUASAAN WANG TIDAK DITUNTUT (WTD)

Outcome 1

Peningkatan
5.0%
Bilangan
Semakan

Outcome 2

Penstoran
551,820
Pangkalan
Data

Outcome 3

96.2%
Tahap
Kepuasan
Pelanggan

Objektif Projek: Membangunkan satu sistem yang berintegrasi dengan sistem maklumat agensi luar untuk kegunaan Pegawai Pemeriksa Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi tujuan pemeriksaan ke atas syarikat/firma dan latihan/taklimat kesedaran Akta WTD 1965.

PROJEK NAIKTARAF RANGKAIAN ICT SELARAS DENGAN IPV6

Outcome 1

Penambahan
Kelajuan Akses
Sistem JANM
1 Gbps

Outcome 2

Rangkaian
Alternatif
LAN/WLAN

Outcome 3

100%
Memenuhi
Piawaian
IPv6

Objektif Projek:

1. Memastikan perkakasan rangkaian dan keselamatan ICT berupaya menyokong IPv6.
2. Menyediakan prestasi rangkaian yang optimum di JANM.



ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME KEMENTERIAN BERPRESTASI TINGGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

PEROLEHAN DUA HELIKOPTER KATEGORI BERAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

OBJEKTIF PROGRAM:

1. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi pemadaman kebakaran dan operasi penyelamatan melalui udara; dan
2. Memberi bantuan melalui udara kepada agensi Kerajaan/orang awam.



Outcome 1

1,120
Operasi
Kebombaan
Melalui
Udara

Outcome 2

74%
Purata
Kepuasan
Penerimaan
AW189

Outcome 3

76%
Indeks
Kepuasan
Pegawai dan
Anggota

PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI BANDAR RMKe-11

OBJEKTIF PROGRAM:

"Mengkaji keberkesanan pelaksanaan Program PEKB Tahun 2016-2020 selaras dengan objektif Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)"



Outcome 1

356
Peserta Berjaya
Meningkatkan
Pendapatan

Outcome 2

109
Menjadi
Pembayar
Zakat

Outcome 3

150
Peserta
Keluar Dari
Golongan
Asnaf

ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME KEMENTERIAN BERPRESTASI TINGGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN



PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT KAMPUNG KETIAU, PUTATAN, SABAH

OBJEKTIF PROGRAM:

Menyediakan kemudahan perumahan kos rendah kepada golongan sasaran.



Outcome 1

Pengisian
Penuh
696 unit

Outcome 2

4,341
Penambahan
Bilangan
Kediaman di
Putatan,
Sabah

Outcome 3

81.2%
Penjimatan
Nilai Sewaan
(RM)

PEROLEHAN 99 UNIT RAPID INTERVENTION MOTORCYCLE (RIM)

OBJEKTIF PROGRAM:

1. Memperolehi 99 Unit Rapid Intervention Motorcycle (RIM); dan
2. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi pemadaman kebakaran dan operasi penyelamatan melalui unit RIM.



Outcome 1

< 10
Minit
Response
Time

Outcome 2

51.5%
Penjimatan
Kos
Penyelenggaraan

Outcome 3

79.8%
Tahap
Kepuasan
Anggota



ANUGERAH PENILAIAN OUTCOME KEMENTERIAN BERPRESTASI TINGGI KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

PELAKSANAAN 1ST NATIONAL TIGER SURVEY (1ST NTS)
DI BAWAH PELAN TINDAKAN PEMULIHARAAN HARIMAU
KEBANGSAAN



Outcome 1

138
Harimau
Direkodkan

Outcome 2

**National Tiger
Conservation
Task Force
Ditubuhkan**

Outcome 3

15
Tindakan
Ditetapkan
Dalam The
Vladivostok
Declaration on
Tiger
Conversation

Objektif: Menjalankan survei Harimau Malaya secara sistematik dan saintifik di keseluruhan kawasan hutan Central Forest Spine (CFS).

PENILAIAN POTENSI PEMBANGUNAN GEOPARK UNTUK PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER SEMULAJADI NEGARA

Outcome 1

243
Geotapak
Dikenalpasti

Outcome 2

87,600
Pelancong
Direkodkan Pada
Tahun 2022 Di
Jerai Geopark

Outcome 3

Peningkatan
Ekonomi Dan
Peluang
Pekerjaan Baru
Kepada
Penduduk
Setempat





Objektif: Mengenalpasti, mencari, menilai dan menaraf geotapak berpotensi sebagai sumber warisan geologi negara agar boleh dibangunkan sebagai Geopark Kebangsaan dan global (UNESCO).

ANUGERAH PENILAIAN *OUTCOME* KEMENTERIAN BERPRESTASI TINGGI KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM


PEMERKASAAN TAKTIKAL PENGUATKUASAAN HUTAN,
PENGUKUHAN PROSEDUR DAN PEMBANGUNAN
TEKNOLOGI PENGUATKUASAAN



Objektif: Menilai keberkesanan Program Pemeriksaan Taktikal Penguatkuasaan Hutan, pengukuhan prosedur dan pembangunan teknologi penguatkuasaan.



DOKUMENTASI DAN KONSERVASI BIODIVERSITI DEMI
KESEJAHTERAAN HUTAN DAN KEMAMPUAN SUMBER
SEMULAJADI (FASA 1)



Objektif: Memperolehi maklumat biodiversiti untuk konservasi habitat dan biodiversiti negara.

Penghargaan

ICU JPM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang telah memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan kejayaan program/projek pembangunan seiring dengan aspirasi negara.

Penghargaan ini juga dirakamkan kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) selaku panel yang telah menjayakan sesi penilaian Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2023 bersama ICU JPM.

Tahniah dan syabas kepada semua penerima APN Tahun 2023.

Terima kasih

Autogaris



Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya, Malaysia



03-8000 8000



pertanyaan@icu.gov.my



www.icu.gov.my